

Bil. S 47

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 13 dari Perlembagaan III

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN) (PINDAAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) (Pindaan), 2016 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada 1 haribulan April, 2016.

Pindaan bah 13 dari Perlembagaan III

2. Bab 13 dari Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan) adalah dipinda dengan memansuhkan ceraiian (2) dan (3) dan menggantikannya dengan ceraiian baru yang berikut —

“(2) Hendaklah dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara satu senarai yang menunjukkan di bawah tiap-tiap tajuk perbelanjaan kategori-kategori aktiviti yang perbelanjaannya akan dibayar daripada Kumpulanwang Yang Disatukan dan amaun yang akan dibayar berkaitan dengannya.

(3) Kecuali menurut sebarang undang-undang bertulis, tambahan atau perubahan kepada senarai yang disebut dalam ceraiian (2) tidak boleh dibuat melainkan jika telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Perbendaharaan.”.

Diperbuat pada hari ini 12 haribulan Zulkaedah, Tabun Hijrah 1437 bersamaan dengan 15 haribulan Ogos, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM